

Cabar beri pendidikan percuma di Unisel, KUIS

Archival News | Utusan Malaysia | 31/10/2017

KUALA LUMPUR 30 Okt. Pakatan Harapan yang diketuai DAP dicabar menyediakan pendidikan percuma di Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bermula Januari hadapan. Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor) berkata, langkah tersebutsewajarnya diambil bagi membuktikan janji pembangkang untuk menyediakan pendidikan percuma kepada rakyat bukannya omong kosong.

Acapkali kedengaran pembangkang mendesak kerajaan menyediakan pendidikan percuma sedangkan perkara itu telah dilaksanakan di peringkat sekolah.

Jangan cakap ibarat tin kosong yang kuat berbunyi apabila diketuk tetapi di dalamnya tiada isi. Usah takut dengan bayang-bayang sendiri, kataanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (2018) (Bajet 2018) di Dewan Rakyat, hari ini.

Selain itu, beliau turut mencabar kerajaan PKR Selangor supaya menukar taraf Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor kepada Biasiswa Pelajaran Negeri Selangor.

Kita asyik mempersoal hal orang lain tetapi bagaimana masalah sendiri.

ââJika benar apa yang mereka janjikan, saya cabar mereka untuk laksanakan terlebih dahulu di Selangor, kataanya.

Source By: Utusan Malaysia